

Johari - Usah Banding Dengan Zaman Dahulu

Isnin, Jan 22 2018

Usah banding dengan zaman dahulu – Johari

KUALA LUMPUR 20 Jan. – Kos sara hidup yang tinggi pada masa kini tidak boleh dibandingkan dengan zaman dahulu yang jelas tiada keperluan seperti kenderaan dan alat-alat teknologi.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, beliau sedar isu tersebut sensitif kepada semua lapisan masyarakat tetapi banyak faktor yang perlu diambil kira bukan sekadar membandingkan harga barang sahaja.

“Kalau nak bandingkan dengan zaman dahulu memanglah tak sama, mereka yang tinggal di luar bandar mungkin tidak merasakannya tetapi bagi mereka yang tinggal di bandar, kereta diperlukan, telefon pintar, Internet dan Astro juga menjadi satu keperluan, kita tidak perlukan semua itu pada masa dahulu.

“Harga sewa rumah di bandar juga ditetapkan oleh pihak swasta kerana ia bukan milik kerajaan, sebab itu dalam keadaan ekonomi ketika ini, kerajaan cuba sedaya upaya mengimbangnya dengan harga barangan yang boleh dikawal seperti beras, minyak, gula dan tepung supaya diberikan subsidi dan tidak menjejaskan rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Jualan Sentuhan Rakyat di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang di sini, hari ini.

Program itu merupakan salah satu inisiatif daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membantu meri-



JOHARI ABDUL GHANI

ngankan beban rakyat dengan menjual barangan keperluan asas seperti beras, ayam dan ikan menerusi harga yang lebih murah daripada harga pasaran.

Sementara itu, dalam ucapannya beliau membidas Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli yang meminggirkan pengundinya sendiri sehingga mereka datang ke kawasan Titikwangsa untuk meminta bantuan.

“Pernah ada pengundi dari kawasan Parlimen Pandan datang ke pusat khidmat saya untuk meminta bantuan.

“Saya tanya kenapa tak minta tolong wakil rakyat Pandan, katanya wakil rakyat tidak membantu,” ujar beliau.